

# Perpaduan tidak terjejas:

B.H - 6 AUG 1993

Oleh Manja Ismail, Mohd Shah Abdullah dan Kamal Ahmad

KUALA LLJMPUR, Khamis — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, hari ini berkata keadaan politik dalam Umno tidaklah bergolak sebagaimana yang dijangka, walaupun kemungkinan ada pertandingan pada Perhimpunan Agung parti, November ini.

Menurutnya, ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno memberi pendapat bahawa mereka mampu mengawal perasaan dan memastikan perpaduan dalam parti tidak terjejas hanya disebabkan pemilihan pemimpin.

Presiden Umno itu menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno lebih tiga jam di sini, hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan mesyuarat MT hari ini membincangkan 'urusan rumah tangga' Umno dan persiapan parti itu menjelang pemilihan dan perhimpunan agung.

Menurutnya, perlembagaan Umno membenarkan pertandingan bagi merebut dua jawatan tertinggi dalam parti, manakala ahlinya bebas menyatakan sokongan terbuka kepada mana mana calon selagi ia tidak menyalahi perlembagaan.

Beliau berkata, ahli boleh melakukan apa sahaja yang diizinkan oleh perlembagaan parti.

Katanya, MT tidak membuat pendirian khusus berhubung kenyataan terbuka ahli-ahlinya yang menyatakan sokongan kepada calon jawatan tertentu dalam pemilihan November ini.

"Kita tidak ada pendirian apa. Apa yang diizinkan mengikut perlembagaan boleh dilakukan. Hanya kita menasihatkan sahaja dalam perkara ini supaya masing-masing mengambil kira tradisi dan sebagainya," katanya.

Beliau ditanya sama ada mesyuarat MT hari ini membuat pendirian berhubung kenyataan terbuka yang menyokong calon untuk jawatan tertentu dalam Umno.

Ditanya sama ada beliau masih berpegang kepada nasihatnya sebelum ini supaya dua jawatan tertinggi dalam Umno ti-

dak ditandingi, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri menjelaskan, apa yang dimaksudkannya bukan dua jawatan utama.

"Hanya satu jawatan tertinggi sahaja. Saya tidak boleh menasihatkan ahli supaya jangan bertanding menentang saya.

"Jika mereka ingin bertanding menentang saya, mereka boleh berbuat demikian tehpai bagi jawatan nombor dua, jikalau tidak ada pertandingan, lebih baik untuk parti kerana tradisinya, tidak ada pertandingan.

"Bagaimanapun, perlembagaan parti membenarkan pertandingan," katanya.

Menjawab pertanyaan seorang penulis buku politik sama ada mesyuarat MT hari ini membincangkan mengenai perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, Dr Mahathir secara berseoroh menjawab: "Saudara nak tulis buku? Saudara tulislah apapun.

"Dia ada di sini tadi tapi dia ada urusan... dia minta izin hendak keluar dahulu."

Ghafar, yang juga Timbalan Presiden Umno keluar sebaik sahaja mesyuarat itu selesai.

Bagaimanapun, semua Naib Presiden parti iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Datuk Seri Sanusi Junid dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, hadir.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat; Bendahari, Tun Daim Zainuddin; dan Ketua Pengerangan, Datuk Hussein Ahmad.

Mengenai soalan kononnya beberapa Menteri Kabinet akan turut meletakkan jawatan bersama Ghafar, Perdana Menteri berkata:

"Siapa dia (mereka), tolong beritahu. Saudara mempunyai lebih banyak berita daripada saya, kenapa bertanya kepada saya, saya sepatutnya bertanya kepada saudara apakah berita itu."

Ditanya sama ada usul

LIHAT MUKA 2

Umno  
DR M

## Dr Mahathir enggan komen

DARI MUKA 1 B.H - 6 AUG 1993

Ketua Pembankane, Lim Kit Siang, supaya Sidang Dewan Rakyat semalam ditangguh bagi membincangkan kedudukan Ghafar, Presiden Umno itu berkata:

"Secara tidak langsung kita sebut perkara ini dalam proses perbincangan mengenai pergolakan disebabkan oleh pemilihan pemimpin parti."

Mengenai pandangan peribadinya berhubung usul DAP itu, Dr Mahathir menjelaskan:

"Saya tiada komen. Dia nak cakap, dia cakap. Lepas dia cakap, dia kata ne-

gara ini tak demokratik. Sepatutnya kalau tidak demokratik, kita tangkap dialah."

Dr Mahathir juga berkata, MT hari ini melantik ahli Jawatankuasa Pemilihan Umno terdiri daripada Tan Sri Mustapha Jabar, Tan Sri Samad Idris, Tan Sri Sharif Ahmad; Tan Sri Azahari Mohd Taib, Datuk Hormat Raffle, Datuk Ahmad Razali Mohd Ali, Datuk Melan Abdullah, Datuk Siti Rahmah Mohd Kassim, Datuk Paduka Fatimah Abdul Majid dan Tan Sri Khir Johari.